

**MERAH MATA**  
Crestless Fireback

FAMILI: Phasianidae  
NAMA SAINTIFIK: *Lophura erythrophthalma*



**CIRI-CIRI**

Bagi burung jantan sub-spesies *L.e.erythrophthalma*, ia boleh dikenalpasti melalui pewarnaan bulu yang berwarna kehitaman (warna biru keunguan berkilat) dengan garisan-garisan halus berombak yang berwarna putih di bahagian belakang badan, atas belakang, skapular, sayap dan bahagian tepi dada. Bahagian ekor adalah pendek dan berwarna oren kekuningan atau berwarna karamel yang cerah dengan bahagian dasar ekor yang berwarna kehitaman. Bahagian bawah belakang berwarna coklat kemerahan yang beransur-ansur ke warna merah hati yang gelap pada bulu penutup ekor, bahagian kulit muka yang berwarna merah dan bahagian kaki yang berwarna kekelabuan. Burung betina pula boleh dibezakan dengan burung jantan disebabkan keseluruhan bahagian badan berwarna kehitaman dengan bahagian kepala yang berwarna kecoklatan dan bahagian tekak yang pudar. Bahagian ekor, tengah perut, tongkeng, bulu utama dan sekunder adalah tidak berkilat. Bagi burung juvenil, kedua-dua jantina menyerupai burung betina tetapi bulu badan mempunyai hujung yang berwarna coklat seakan berkarat. Panjang keseluruhan bagi burung jantan adalah di antara 47-51 sm manakala bagi burung betina pula, ia adalah di antara 42-44 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan biji-bijian, pucuk-pucuk tumbuhan, invertebrata, serangga, buah-buahan yang jatuh, dan lain-lain lagi.

**HABITAT**

Ia boleh ditemui di kawasan hutan pamah dipterokarp dan kaki bukit.

**BUNYI**

Ia mengeluarkan bunyi bernada rendah yang berulang **tak-takrau**, bunyi bergetar dari bahagian tekak dan bunyi kuat **kak** sekiranya terkejut. Semasa mencari makanan, ia biasanya mengeluarkan bunyi mendecit seperti ayam dalam nada yang rendah.

**PEMBIAKAN**

Biasanya bersarang di atas tanah dan bertelur di antara 4-6 biji bagi setiap "clutch" dan mengambil masa selama 23-24 hari untuk menetas. Anaknyanya mengambil masa selama setahun untuk menjadi dewasa.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.